

# Najib cabar pemimpin isu Lynas letak jawatan

Oleh ROSALINDA MD. SAID  
dan MUKHATAR A. RAHMAN  
pengarang@utusan.com.my

## ■ KEMAMAN 3 OGOS

**B**EKAS Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mencabar kepemimpinan Pakatan Harapan (PH) yang sebelum ini menentang operasi kilang memproses nadir bumi, Lynas Corporation Ltd. (Lynas) di Gebeng, Kuantan agar meletakkan jawatan.

Najib turut menuntut mereka untuk membuat permohonan maaf secara terbuka kepada rakyat atas 'lakonan dan penipuan' yang dilakukan selama ini.

"Soalnya, mereka telah menipu rakyat selama ini dan ada rakyat yang telah menyokong mereka dalam pilihan raya umum (PRU) kerana isu Lynas.



**NAJIB TUN RAZAK**



**WONG TACK**

"Ini soal moral dan sepatutnya mereka yang menentang Lynas itu sama ada letak jawatan atau minta maaf secara terbuka kepada rakyat," tegasnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Kemaman di Dewan Berlian Utama, Majlis Perbandaran Kemaman di sini hari ini.

Isu Lynas antara perkara

diperjuangkan beberapa pemimpin PH seperti Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salieh dan Ahli Parlimen Bentong, Wong Tack sejak 10 tahun lalu, namun setelah menjadi kerajaan, mereka dilihat belum mampu membuat keputusan.

Najib berkata, pendirian itu jelas menunjukkan sikap sebenar kepimpinan PH yang tidak beretika dan hanya tahu menipu rakyat.

Ketika ditanya mengenai pelawaan pertubuhan bukan kerajaan, *Save Malaysia Stop Lynas* agar beliau hadir dalam himpunan yang akan diadakan dalam masa terdekat katanya, pendiriannya dalam isu tersebut bukan untuk meraih sokongan atau populariti.